

TGBWIC 2016


Proceedings of
The 2016's Tough Generation for A Better World"
International Conference

Banda Aceh

October 22nd -23rd, 2016

Editors

Bahrn (Indonesia), Mohammad Nasir Bistamam (Malaysia)
Dorothy I-ru Chen (Taiwan), Prapai Jantrasakul (Thailand)
Nurbaity (Indonesia), Salmiati (Indonesia)



Published by
Program Studi Bimbingan dan Konseling
Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan
Universitas Syiah Kuala



TGBWIC 2016
Proceedings of The 2016's Tough Generation for A Better World
International Conference

Susunan Organisasi Pengelola

Penanggung Jawab

Dr. Djufri., M.Si
Drs. Martunis, M.Si

Ketua Dewan Redaksi

Prof. Dr. Cut Zahri Harun, M.Pd

Editor

Dr. Bahrn, M.Pd
Prof. Madya Dr. Mohammad Nasir Bistamam
Assoc. Prof. Dorothy I-ru Chen
Assoc. Prof. Prapai Jantrasakul, Ph.D
Nurbaity, S.Pd., M.Ed
Salmiati, S.Pd., M.Ed

Penyunting/Layout

Fajriani, S.Pd., M.Ed
Fahmi, S.Pd

Penanggungjawab Pelaksana dan Keuangan

Hetti Zuliani, S.Pd. M.Pd
Zahra Nelissa, S.Pd., M.Ed
Dina Amalia, S.Psi, M.Sc
Khairiah, S.Pd. M.Ed

Alamat Redaksi

Program Studi Bimbingan dan Konseling, FKIP, Universitas Syiah Kuala
Lantai 2, gedung lama FKIP
Jalan Tgk. Hasan Krueng Kalee, Darussalam, Banda Aceh 23111
Hp: 082165551099; Homepage: bks.fkip.unsyiah.ac.id; E-mail: tgbwintconference@gmail.com



Message from

*The Rector,
Syiah Kuala University*

First and foremost allow me to congratulate the Faculty of Education and Teacher Training, University Syiah Kuala for organizing The 2016's Tough Generation for a Better World International Conference (TGBWIC).

Currently we are in the globalization era which is full of intense and sharp competition on all life aspects. In such conditions, only individuals, communities, nations and countries that have quality will likely success. The key to achieve those qualities is the human resources. To create a tough and qualified generation requires the cooperation of all parties, including educational institution, government, and society.

Rampant cases of drug abuse, violence against women and children and a variety of other issues become an obstacle in youth education and future generation preparation. Not to mention the problems that are common in education either due to internal disturbances on students as well as those caused by external disturbances such as teachers, curriculum, infrastructure and others. These problems should be addressed immediately. Based on these conditions, this international activity is organized.

Finally, I hope this conference will provide the platform for both theorists as well as practitioners to share their ideas, finding and voice their views and concerns. The synergy of ideas generated will lead to new initiatives and networking both within and across borders.

Prof. Dr. Samsul Rizal, M.Eng

ARTICLES CONTENT


Keynote Speakers

No.	Title/Author	Page
1.	Remaja Generasi Digital: Pengembangan dan Permasalahannya <i>Sunaryo Kartadinata</i>	1
2.	Parental Involvement in The Individual Education Plan (Iep) for Students with Special Needs <i>Abdul Rahim Razalli</i>	2

Presenters

No.	Title/Author	Page
1.	Counselor Addressing Gender Roles In Community <i>Nuzliah, Qurrata Ayuna</i>	15
2.	Curriculum Implementation In Inclusive Education Schools In Banda Aceh Rosmiati	21
3.	Differences Of Parenting Styles Between Smoking And Non-Smoking Acehnese Adolescents <i>Dina Amalia, Shams Ur Rehman Khan, Chee Chew Sim</i>	26
4.	Integrating Character Education Into Instructional Materials For Better Future Generation Lailatul Kodriyah	29
5.	Kesan Pendekatan Bermain Sambil Belajar Terhadap Permasalahan Komunikasi Kanak-Kanak Autistik Di Prasekolah Pendidikan Khas Hasmah Muhamed, Johaidah Othman Dan Norfishah Mat Rabi	34
6.	Kesan Terapi Carakerja Terhadap Kemahiran Interaksi Sosial Murid Autistik Melalui Aktiviti Psikomotor Norfarhada Mohd Yusof, Norfishah Mat Rabi	45
7.	Membangun "Performance Character & Math Positivity" Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik Sekolah Rendah Sabaruddin Dahlan Husen & Rosnidar Mansor	54
8.	Pendidikan Karakter Melalui Integrasi Mata Pelajaran, Pengembangan Diri, Dan Budaya Sekolah Dasar (Grounded Theory Pada Sekolah Dasar Negeri Ikip 1 Makassar Sulawesi Selatan) Abdullah Sinring	61
9.	Penganalisan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (Kssr) Norziana Binti Mat Rabi, Zulkifli Bin Osman, Norfishah Binti Mat Rabi	66
10.	Pengaruh Keluarga Terhadap Minat Bidang Teknikal/Vokasional Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Perak Fajar Drian Sindu Bawono	74
11.	Play Therapy In Reducing Sexual Abuse Trauma Of Children In East Aceh And Langsa. <i>Hetti Zuliani, Syaiful Bahri, Riska Sahfitri, Salmiati</i>	82
12.	Pengaruh Penggunaan Media Powerpoint Dan Motivasi Belajar Terhadap Prestasi Pelajar Sekolah Menengah Vokasional Di Aceh Utara Taufik Hidayah, Sethuprakash A/L Vengidason, Ridzwan Bin Che` Rus, Sabaruddin Dahlan	90
13.	Penggunaan Teknik Sosiodrama Dalam Meningkatkan Perilaku Asertif Pada Siswa Sman 5 Banda Aceh Fajriani, Martunis, Dinar Chairani	95
14.	Pembinaan, Kesahan Dan Kebolehpercayaan Inventori Tujuh Tabiat Orang Berkesan (Ittob) Zahra Nelissa, Mohammad Aziz Shah Bin Mohamed Arip, Fajar Drian Sindu Bawono, (Tidak Mengetahui Penulis Pertama)	102
15.	Quiz-Based Game: Kahoot! Application Among Teachers Via Tuhamah Fauziastuti	113

16.	Religious Education Teachers' Perception On The Implementation Of Curriculum 2013 In Secondary Schools In Aceh	117
	Zainal Abidin Ishak, Mohmad Noor Bin Mohmad Taib, Abdul Kadir Bin Ariffin	
17.	Studi Komparatif Tentang Tingkat Kemandirian Remaja Sma Di Kota Banda Aceh Ditinjau Dari Keutuhan Keluarga	129
	Abu Bakar, Fajriani, Zikry	
18.	Symbolic Modeling Techniques For Students At Senior High School Barona Jaya	135
	Dra. Dahliana Abd, M.Pd, Kons	
19.	The Correlation Between Self-Esteem And Altruistic Motive On Senior High School Students In Banda Aceh	139
	Nurhasanah, Misna Rahmika	
20.	The Effectiveness Of Project-Based Learning: A Qualitative Research In The Mechanical Engineering Department At Polytechnic Malaysia	147
	Sadrina, Ramlee Mustapha	
21.	The Strategies Of Tackling Bad Effects Of Narcotics And Drugs In Campus Area	153
	Martunis Yahya	
22.	Analisis Pelajaran Sains Dalam Membina Akhlak Pelajar	159
	Rosnidar Mansor, Nik Azmah Nik Yussuf, Aslina Ahmad	
23.	Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan Dalam Kalangan Gruu Matematik Tahun Satu	173
	Noor Azwani Bt Mansor	



RELIGIOUS EDUCATION TEACHERS' PERCEPTION ON THE IMPLEMENTATION OF CURRICULUM 2013 IN SECONDARY SCHOOLS IN ACEH

Author 1: Zainal Abidin Ishak. UPSI, Malaysia. **HP. 085277212334 /+6010-7121184.**

Author 2 : Dr. Mohmad Noor Bin Mohmad Taib. UPSI, Malaysia

Author 3 : Prof. Madya Abdul Kadir Bin Ariffin. UPSI, Malaysia

Email: zainalabidin.ishak75@gmail.com

ABSTRACT

This study aims to determine the perception of Islamic Education teachers (PAI) on the implementation of the curriculum 2013 in designing, implementing and evaluating PAI instruction in High Schools (SMA) in Aceh. This study uses a quantitative approach carried out in 104 schools using questionnaires and interviews. The study involves 175 PAI teachers selected through purposive sampling, simple random sampling and cluster sampling. The data is analyzed using descriptive statistics and statistical inference in ANOVA and MANOVA analysis. The research focuses on three aspects: the demographics of PAI teachers, PAI teachers' perception of change and development of curriculum 2013, and teachers' understanding of the elements PAI curriculum. The validity of instrument used which has 237 question items is 8.42, while the *Alpha Cronbach* reliability of the instrument on 233 items is 0.985.

Keywords: Perception, Islamic Religious Education (PAI), Curriculum 2013, Planning, Implementation, Evaluation.

1. Pendahuluan

1.1 Latar Belakang Kajian

Merujuk pada Rancangan Pembangunan Jangka Menengah Nasional (RPJM) tahun 2010-2014 dijelaskan bahawa hasil penilaian kurikulum yang dilakukan oleh Pusat Kurikulum dan Buku (Puskurbuk) menunjukkan perlunya penyusunan semula kurikulum yang berlaku saat ini (Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan/KTSP 2006). Menteri Pendidikan dan Kebudayaan R.I (Mendikbud) Muhammad Nuh, mendedahkan bahawa perubahan dan pembangunan kurikulum 2013, merupakan persoalan yang sangat penting, kerana kurikulum harus sentiasa disesuaikan dengan perubahan zaman. Kurikulum 2013 diharapkan dapat menghasilkan insan Indonesia yang produktif, kreatif, inovatif, efektif melalui pengukuhan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang terintegrasi (Herry Sudjendro, 2014).

Perubahan dan pembangunan kurikulum 2013 merupakan bahagian dari strategi meningkatkan pencapaian pendidikan yang berasaskan pada kompetensi dan karakter pelajar. Orientasi kurikulum 2013 adalah terjadinya peningkatan dan keseimbangan antara kompetensi sikap (*attitute*), kemahiran (*skill*), dan pengetahuan (*knowledge*). Hal ini sejalan dengan amanat Undang-Undang pendidikan Nasional No. 20 Tahun 2003 sebagaimana tersurat pasal 35; kompetensi lulusan merupakan kelayakan kemampuan lulusan yang meliputi aspek sikap, kemahiran dan pengetahuan sesuai dengan standard nasional pendidikan yang telah ditetapkan.

Kajian ini dilaksanakan disebabkan oleh kerana pelaksanaan kurikulum 2013 di Indonesia didapati wujudnya banyak kontra dikalangan para ilmuan dan *stakeholders*, ada yang menyokong dan ada diantaranya yang mengkhawatirkan. Penggubalan kurikulum baru ini didapati wujudnya banyak halangan dalam pelaksanaannya. Kekurikulum ini dianggap segera sehingga kemungkinan kegagalan memiliki peluang yang besar. Hal ini ditandai oleh banyak masalah yang dihadapi dalam perancangan, sosialisasi dan pelaksanaannya. Diantaranya adalah persoalan kesediaan anggaran, sarana prasarana, sosialisasi, pelatihan nara sumber nasional, tutor, guru utama, dan guru bidang kajian. Yang paling menarik perhatian adalah pada pelaksanaannya sebab sebaik apapun kurikulumnya apabila tidak mampu dilaksanakan dengan baik maka tidak akan mendapati *output* yang sesuai dengan harapan. Guru sebagai 'ujung tombak' pelaksana kurikulum menjadi perbincangan yang panjang tentang kemampuan memahami perubahan dan pembangunan kurikulum 2013.

1.2 Pernyataan Masalah

Pengamat pendidikan dari Universiti Negeri Jakarta (UNJ) Lody Paat mengatakan bahawa permasalahan utama dalam pemberlakuan kurikulum 2013 adalah pelaksanaannya. Secara konsep, kurikulum 2013 menawarkan sesuatu yang baru dan berbeda dari yang sebelumnya iaitu Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) 2006.

"Tapi saya jamin pelaksanaannya tidak akan mulus kerana persiapannya terutama untuk para guru tidak dibekali dengan kefahaman konsep yang matang," (KOMPAS, 29 November 2012).

Tilaar (2012) menyatakan pelaksanaan kurikulum 2013 sangat bergantung pada kualiti guru, selain itu diperlukan petunjuk pelaksanaannya. Dalam teori kurikulum, keberkesanan suatu kurikulum merupakan satu proses yang panjang, mulai dari kristalisasi pelbagai idea dan konsep yang sesuai tentang pendidikan, perumusan reka bentuk kurikulum, penyediaan guru dan tenaga kependidikan serta sarana dan prasarana, pengelolaan pelaksanaan kurikulum termasuk pembelajaran dan penilaian pembelajaran. Dalam konteks ini, kejayaan ditentukan oleh pengembangan kapasiti guru, dan reka bentuk penilaian pembelajaran pelajar (Anita Lie, KOMPAS, 5 Desember 2012).

Hasil *survey* Furqon (2014), yang menghuraikan delapan permasalahan berkaitan dengan guru dalam pelaksanaan kurikulum 2013, iaitu, (a) sulitnya mengubah *mindset* guru, (b) perlunya perubahan proses pembelajaran dari *teacher centered* ke *student centered*, (c) rendahnya moral spiritual, (d) masih rendahnya budaya membaca dan meneliti, (e) kurangnya penguasaan teknologi informasi, (f) lemahnya penguasaan bidang administrasi, (g) kecenderungan guru yang lebih banyak menekankan aspek kognitif, dan (h) masih banyak guru yang belum mahu menjadi manusia pembelajar.

Hasil penelitian yang dilakukan oleh Nana Sudjana (2002) menunjukkan bahawa 76,6%, hasil belajar siswa dipengaruhi oleh kinerja guru, dengan rincian; kemampuan guru mengajar memberikan sumbangan 32,43%, penguasaan kandungan pelajaran memberikan sumbangan 32,38% dan sikap guru terhadap mata

pelajaran memberikan sumbangan 8,60%. Penelitian Darling & Hammon (2000), juga menunjukkan bahawa dari hasil analisis secara kuantitatif bahawa kualiti guru mempunyai korelasi yang sangat kuat terhadap prestasi pelajar. Hasil yang sama juga ditunjukkan oleh penelitian yang dilakukan oleh Schacter (2006), menyebutkan bahawa kinerja guru merupakan variabel yang sangat penting dalam meningkatkan prestasi belajar pelajar.

Berkaitan dengan hal di atas, beberapa penyelidik seperti Brophy dan Good (1986), Gurney (2007), Rosenshine & Steven (1986), dan Reynolds & Teddlie (2000) melaporkan tingkah laku guru memainkan peranan dalam pencapaian pelajar. Antara faktor yang mempengaruhi pengajaran berkesan telah dikenalpasti oleh Bophy dan Good (1986) iaitu; (a) menstruktur isi kandungan, (b) menggunakan pengelola awal, (c) menyusun objektif dan isi kandungan mengikuti hirarki dan kejelasan penerangan atau penyampaian.

Hasil pemerhatian Mulyasa (2014) terdapat begitu ramai guru yang belum faham mengenai kurikulum baru. Sebahagian besar guru mengetahui perubahan kurikulum justeru dari media masa atau media *online*. Kekurangan penglibatan guru dalam sosialisasi kurikulum 2013 membuat pelbagai pihak menganggap pelaksanaan kurikulum 2013 tidak akan berjalan lancar.

Pemerintah melakukan beberapa hal untuk menanggapi permasalahan dalam pelaksanaan kurikulum baru. Pemerintah melakukan uji publik melalui dialog secara langsung di beberapa daerah, secara *online* di *website* Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan RI (Kemendikbud RI), dan secara bertulis yang dikirim kebeberapa Universiti dan jabatan pendidikan. Seterusnya, diadakan sosialisasi di pelbagai kota besar mengenai pelaksanaan kurikulum 2013. Berdasarkan hasil uji publik yang dilakukan 29 November 25 dan Disember 2012 menunjukkan bahawa sebahagian besar responden menyetujui pelaksanaan kurikulum 2013. Sebanyak 71% responden menunjukkan setuju terhadap justifikasi dan Standard Kompetensi Lulusan (SKL) kurikulum 2013. Selain itu sebanyak 81 % responden menyetujui mengenai penyiapan guru dalam pelaksanaan kurikulum 2013.

Memahami huraian di atas, untuk menjayakan pelaksanaan kurikulum 2013, harus dimulai dengan peningkatan kualiti guru, yang sampai saat ini masih banyak halangan dan tentangan yang dihadapi, terutama dalam pelaksanaan pembelajaran. Hal ini penting, kerana kunci kejayaan dalam pelaksanaan kurikulum dan pembelajaran adalah pada kefahaman guru. Kurikulum 2013 yang telah ditegaskan, dan dikuatkuasakan secara serentak tahun 2014 menjadi hal yang menakutkan bagi masyarakat serta menjadikan para guru resah dan kebingungan. Keresahan dan kebingungan ini bermula daripada sosialiasi yang tidak menyentuh seluruh jajaran sekolah sampai dengan pelatihan yang hanya diperoleh oleh sebahagian guru sahaja, serta perubahan model pembelajaran dan penilaian yang dalam praktiknya kurang difahami oleh para guru. Banyak guru yang kebingungan kerana tidak pandai menggunakan komputer, atau buta IT, tidak kurang pula guru yang khawatir kehilangan sertifikasi guru kerana kekurangan jam pelajaran; bahkan banyak pula guru yang menolak atau tidak mahu mengikuti perubahan dan pembangunan kurikulum, kerana takut menghadapi sesuatu yang baru dan memberi kesan terhadap pekerjaannya, bahkan takut mengganggu kenyamanannya.

Berdasarkan pada persoalan di atas, maka pengkaji menjadi tertarik untuk melakukan penelitian dengan memfokuskan pada kefahaman guru Pendidikan Agama Islam (PAI) terhadap pelaksanaan kurikulum 2013. Oleh kerana kurikulum 2013 secara substansi telah banyak mengalami perubahan dan pembangunan dari kurikulum sebelumnya (kurikulum KTSP). Lumrah akan selalu mendapati masalah ketika menghadapi sesuatu perubahan dan menjadikannya kendala dalam pelaksanaan pembelajaran dalam bilik darjah. Tempat kajian ini akan dilaksanakan di Negeri Aceh, objek kajian ini dilakukan pada mata pelajaran Pendidikan Agama Islam (Islam) pada Sekolah Menengah Atas (SMA) dalam Negeri Aceh.

1.3 Persoalan Kajian

- 1.3.1 Adakah terdapat perbezaan tahap kefahaman guru PAI terhadap pelaksanaan kurikulum 2013 berdasarkan jantina ?
- 1.3.2 Adakah terdapat perbezaan tahap kefahaman guru PAI terhadap pelaksanaan kurikulum 2013 berdasarkan kursus yang diikuti ?
- 1.3.3 Adakah terdapat perbezaan tahap kefahaman guru PAI terhadap pelaksanaan kurikulum 2013 berdasarkan kelayakan akademik ?
- 1.3.4 Adakah terdapat perbezaan tahap kefahaman guru PAI terhadap pelaksanaan kurikulum 2013 berdasarkan pengalaman mengajar ?
- 1.3.5 Adakah terdapat perbezaan tahap kefahaman guru PAI terhadap pelaksanaan kurikulum 2013 berdasarkan lokasi tempat kerja?

1.4 Hipotesis Kajian

Rancangan hipotesis dalam kajian ini dibentuk berdasarkan latar belakang masalah, kerangka konsepstual kajian dan persoalan kajian. Hipotesis dirancang merangkumi pemboleh ubah bebas (*independen variable*) iaitu demografi guru PAI dan pemboleh ubah bersandar (*dependen variable*) iaitu kefahaman guru PAI tentang pelaksanaan kurikulum 2013. Data yang diperolehi daripada jawapan responden digunakan untuk menjawab persoalan pertama sehingga kelima menggunakan analisis ANOVA dan MANOVA.

Hipotesis Nol Untuk Persoalan Kajian 1 :

- Ho 1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Kompetensi Lulusan (SKL) kurikulum 2013 berdasarkan jantina.
- Ho 2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Kandungan pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan jantina.
- Ho 3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Proses pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan jantina.
- Ho 4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Penilaian pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan jantina.
- Ho 5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kerangka Dasar kurikulum 2013 berdasarkan jantina.
- Ho 6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Struktur Kurikulum 2013 berdasarkan jantina.
- Ho 7 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Sukatan Pelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan jantina.
- Ho 8 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) dalam kurikulum 2013 berdasarkan jantina.
- Ho 9 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Objektif Pembelajaran PAI berdasarkan jantina.
- Ho 10 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kandungan Pembelajaran PAI berdasarkan jantina.
- Ho 11 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kaedah Pembelajaran PAI berdasarkan jantina.
- Ho 12 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Penilaian Pembelajaran PAI berdasarkan jantina.

Hipotesis Nol Untuk Persoalan Kajian 2 :

- Ho 13 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Kompetensi Lulusan (SKL) kurikulum 2013 berdasarkan kursus yang diikuti.
- Ho 14 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Kandungan pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan kursus yang diikuti.
- Ho 15 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Proses pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan kursus yang diikuti.
- Ho 16 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Penilaian pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan kursus yang diikuti.
- Ho 17 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kerangka Dasar kurikulum 2013 berdasarkan kursus yang diikuti.

- Ho 18 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Struktur Kurikulum 2013 berdasarkan kursus yang diikuti.
- Ho 19 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Sukatan Pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan kursus yang diikuti.
- Ho 20 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) dalam kurikulum 2013 berdasarkan kursus yang diikuti.
- Ho 21 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Objektif Pembelajaran PAI berdasarkan kursus yang diikuti.
- Ho 22 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kandungan Pembelajaran PAI berdasarkan kursus yang diikuti.
- Ho 23 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kaedah Pembelajaran PAI berdasarkan kursus yang diikuti.
- Ho 24 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Penilaian Pembelajaran PAI berdasarkan kursus yang diikuti.

Hipotesis Nol Untuk Persoalan Kajian 3 :

- Ho 25 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Kompetensi Lulusan (SKL) dalam kurikulum 2013 berdasarkan kelayakan akademik.
- Ho 26 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Kandungan pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan kelayakan akademik.
- Ho 27 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Proses pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan kelayakan akademik.
- Ho 28 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Penilaian pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan kelayakan akademik.
- Ho 29 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kerangka Dasar kurikulum 2013 berdasarkan kelayakan akademik.
- Ho 30 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Struktur Kurikulum 2013 berdasarkan kelayakan akademik.
- Ho 31 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Sukatan Pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan kelayakan akademik.
- Ho 32 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) dalam kurikulum 2013 berdasarkan kelayakan akademik.
- Ho 33 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Objektif Pembelajaran PAI berdasarkan kelayakan akademik.
- Ho 34 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kandungan Pembelajaran PAI berdasarkan kelayakan akademik.
- Ho 35 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kaedah Pembelajaran PAI berdasarkan kelayakan akademik.
- Ho 36 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Penilaian Pembelajaran PAI berdasarkan kelayakan akademik.

Hipotesis Nol Untuk Persoalan Kajian 4 :

- Ho 37 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Kompetensi Lulusan (SKL) dalam kurikulum 2013 berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho 38 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Kandungan dalam kurikulum 2013 berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho 39 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Proses pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho 40 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Penilaian dalam kurikulum 2013 berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho 41 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kerangka Dasar kurikulum 2013 berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho 42 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Struktur Kurikulum 2013 berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho 43 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Sukatan Pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho 44 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) dalam kurikulum 2013 berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho 45 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Objektif Pembelajaran PAI 2013 berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho 46 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kandungan Pembelajaran PAI 2013 berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho 47 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kaedah Pembelajaran PAI 2013 berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho 48 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Penilaian Pembelajaran PAI 2013 berdasarkan pengalaman mengajar.

Hipotesis Nol Untuk Persoalan Kajian 5 :

- Ho 49 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Kompetensi Lulusan (SKL) dalam kurikulum 2013 berdasarkan lokasi tempat kerja.
- Ho 50 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Kandungan pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan lokasi tempat kerja.
- Ho 51 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Proses pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan lokasi tempat kerja.
- Ho 52 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Standard Penilaian pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan lokasi tempat kerja.
- Ho 53 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kerangka Dasar kurikulum 2013 berdasarkan lokasi tempat kerja.
- Ho 54 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Struktur Kurikulum 2013 berdasarkan lokasi tempat kerja.
- Ho 55 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Sukata Pembelajaran dalam kurikulum 2013 berdasarkan lokasi tempat kerja.
- Ho 56 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) kurikulum 2013 berdasarkan lokasi tempat kerja.
- Ho 57 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Objektif Pembelajaran PAI berdasarkan lokasi tempat kerja.

- Ho 58 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kandungan Pembelajaran PAI berdasarkan lokasi tempat kerja.
- Ho 59 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Kaedah Pembelajaran PAI berdasarkan lokasi tempat kerja.
- Ho 60 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman guru PAI terhadap Penilaian Pembelajaran PAI berdasarkan lokasi tempat kerja.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilaksanakan kerana pelaksanaan kurikulum 2013 di Indonesia telah wujudkan banyak kontra persepsi di kalangan para ilmuan dan *stakeholders*. Maka kajian ini diharapkan akan memberikan sumbangan bagi informasi keterlaksanaannya seperti berikut:


- a. Kerana kurikulum 2013 ini baru dan masih sedikit penelitian yang berkaitan tentang pelaksanaannya bahkan untuk Negeri Aceh pengkaji belum menemukan kajian yang khas tentang kefahaman guru PAI dalam pelaksanaan kurikulum 2013. Oleh itu, kajian ini secara amnya diharapkan memberikan sumbangan data yang berkaitan tentang pelaksanaan kurikulum 2013 pada Sekolah Menengah Atas (SMA) kepada Pemerintah untuk pengambilan suatu keputusan bagi penambahbaikan pelaksanaan kurikulum 2013.
- b. Secara khusus kajian ini diharapkan dapat memperolehi suatu keputusan yang menyokong bagi penambahbaikan kefahaman guru PAI melalui tindakan yang diambil oleh pemerintah untuk memberikan kursus dan pengawasan bagi perkara-perkara yang masih lemah dalam menjalankan pembelajaran dalam bilik darjah.
- c. Bagi setiap konstruk kajian ini diharapkan memperolehi data secara khusus berkaitan elemen-elemen kurikulum PAI, serta boleh dikembangkan untuk melahirkan suatu model atau modul pembelajaran dalam bilik darjah di masa depan.
- d. Kajian ini juga diharapkan memberikan sumbangan bagi pelaksanaan pendidikan bagi Negeri Aceh, dalam rangka mengukur ketercapaian pelaksanaan kurikulum 2013.
- e. Kajian juga diharapkan memberikan sumbangan bagi siapa sahaja yang ingin melakukan kajian terhadap permasalahan yang sama, sehingga ini menjadi data awal dalam melakukan pengembangan kajian.
- f. Kajian ini pada akhirnya diharapkan boleh memberikan satu kerangka atau semacam model yang didapati untuk kepentingan perubahan dan pembangunan kurikulum dimasa yang akan datang yang berkaitan dengan implementasi.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya fokus pada kefahaman guru Pendidikan Agama Islam (PAI) terhadap pelaksanaan kurikulum 2013. Kajian hanya dilaksanakan di Sekolah Menengah Atas (SMA) Provinsi Aceh pada mata pelajaran Pendidikan Agama Islam (PAI). Kajian ini hanya melibatkan guru PAI yang aktif mengajar pada SMA yang melaksanakan kurikulum 2013 dengan syarat bahawa guru PAI tersebut telah menjalani pelatihan berkenaan kurikulum 2013 dan merupakan tenaga pengajar di sekolah tersebut.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu demografi guru PAI, perubahan dan pembangunan kurikulum 2013 serta elemen kurikulum PAI seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Kerangka Konseptual Kajian Kefahaman Guru PAI Terhadap Pelaksanaan Kurikulum 2013 pada SMA dalam Negeri Aceh

Rajah 2.2 memberikan gambaran terhadap pemboleh ubah bebas (*independen*) dan pemboleh ubah bersandar (*dependen*) dan turut menjelaskan gagasan-gagasan utama kajian yang akan dijalankan dalam kajian ini setiap langkah yang terdapat dalam rajah tersebut dikaji secara kuantitatif.

Kerangka konseptual kajian ini terdiri daripada pemboleh ubah bebas (*independen variabel*) dan pemboleh ubah bersandar (*dependen variabel*). Pemboleh ubah bebas adalah pemboleh ubah yang dijangka meyebabkan perubahan kepada pemboleh ubah lain atau disebut dengan pemboleh ubah penyebab (Johnson & Cristensen, 2008). Pemboleh ubah bebas juga adalah pemboleh ubah yang akan menentukan perubahan atau tahap pemboleh ubah bersandar (Airasian dan Gay, 2003). Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini iaitu demografi guru PAI yang meliputi jantina, kursus yang diikuti guru PAI, kelayakan akademik guru PAI, pengalaman mengajar guru PAI dan lokasi tempat kerja guru PAI.

Kefahaman guru terhadap pembangunan kurikulum 2013 meliputi Standard Kompetensi Lulusan (SKL) kurikulum 2013, Standard Kandungan (SK) pembelajaran kurikulum 2013, Standard Proses (SP) pembelajaran kurikulum 2013, Standar Penilaian pembelajaran kurikulum 2013, Kerangka Dasar kurikulum 2013, Struktur kurikulum 2013, Sukatan Pelajaran dalam kurikulum 2013 dan Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) kurikulum 2013. Kefahaman guru tentang elemen-elemen kurikulum PAI meliputi Objektif Pembelajaran PAI, Kandungan Pembelajaran PAI, Kaedah Pembelajaran PAI, dan Penilaian Pembelajaran PAI.

Kedudukan mata pelajaran Pendidikan Agama Islam (PAI) di sekolah merupakan salah satu mata pelajaran dalam Kurikulum 2013 yang wajib diikuti oleh seluruh pelajar di setiap peringkat yang bermula daripada sekolah dasar sehingga sekolah menengah. Mata pelajaran PAI memiliki peranan penting dalam pembentukan karakter pelajar yang menjadi inti daripada perubahan dan pembangunan Kurikulum 2013.

Teori kognitif Bloom (1979), telah digunakan untuk mengenalpasti peringkat kefahaman guru PAI terhadap pelaksanaan kurikulum 2013. Peringkat yang digunakan dimulai dari peringkat pengetahuan, kefahaman dan pelaksanaan. Pengetahuan merujuk kepada mengingat tentang konsep-konsep yang khusus dan umum, kaedah, proses dan struktur yang berlaku dalam kurikulum 2013. Kefahaman merujuk kepada kedalaman kognitif guru PAI yang akan merancang, melaksanakan dan menilai pembelajaran sesuai dengan konsep kurikulum 2013. Guru PAI juga perlu memiliki kefahaman yang baik tentang karakter dan keadaan pelajar yang bersesuaian dalam mengikuti pembelajaran dalam bilik darjah secara berkesan dan cekap. Berdasar teori tersebut, guru PAI tidak boleh melakukan peringkat pembelajaran dalam bilik darjah apabila ia tidak memiliki kefahaman tentang fakta, konsep, teori dan perkara-perkara baru yang berlaku dalam kurikulum 2013 serta pelbagai panduan yang telah disediakan oleh pemerintah bermula daripada pendekatan saintifik, proses pembelajaran yang kreatif, sampai penilaian otentik. Ini bermakna, pelaksanaan kurikulum 2013, memerlukan pengetahuan dan kefahaman guru yang mempunyai kedudukan yang sangat penting dan menentukan kejayaan pelaksanaan pembelajaran dalam bilik darjah seseuai dengan kurikulum 2013.

1.8 Huraian Istilah

1.8.1 Kefahaman

Merujuk Kamus Dewan Edisi ke empat (2005) Kefahaman bermaksud keupayaan (kemampuan), memahami, faham tidaknya (seseorang) akan sesuatu yang dipelajari (dibaca dsb). Teuku Iskandar (1984) menyatakan bahawa kefahaman ialah pengetahuan dalam pemikiran mengenai sesuatu atau tanggapan yang menjadi pegangan bagi seseorang. Memahami ialah tahu atau mengerti benar akan sesuatu dengan mendalam. Kefahaman yang dimaksud dalam kajian ini adalah kemampuan atau keupayaan guru pendidikan Agama Islam (PAI) terhadap perubahan dan pembangunan kurikulum 2013 bagi melaksanakan pembelajaran dalam bilik darjah.

1.8.2 Guru

Merujuk Kamus Dewan Edisi ke empat (2005), guru adalah orang yang mengajar, guru, pengajar, pengasuh, pelatih, pelawat. Guru bererti seseorang yang mengajar disebuah institusi pendidikan atau yang menyediakan atau mengeluarkan bahan pelajaran atau memeriksa jawapan yang dikembalikan, dibagi atau melalui pusat pendidikan jarak jauh dan termasuklah guru besar atau pengetua (Akta Pendidikan 1999).

Dalam kajian ini guru dimaksud adalah semua guru Pendidikan Agama Islam (PAI) yang mengajar pada Sekolah Menengah Atas (SMA) yang melaksanakan kurikulum 2013 dalam Negeri Aceh. Guru PAI tersebut telah ditetapkan sebagai pengasuh mata pelajaran PAI dan ianya telah mengikuti kursus kurikulum 2013 dan dalam kajian ini yang bersangkutan telah ditetapkan sebagai sampel kajian.

1.8.3 Pendidikan Agama Islam (PAI)

Abdul Majid, (2002) menyatakan Pendidikan Agama Islam (PAI) adalah upaya sadar dan terancang dalam menyiapkan pelajar untuk mengenal, memahami, menghayati, hingga mengimani, bertaqwa, dan berakhlak mulia dalam mengamalkan ajaran agama Islam dari sumber utamanya kitab suci Alquran dan Hadis, melalui kegiatan bimbingan, pengajaran, latihan, serta penggunaan pengalaman. Disertai dengan tuntunan untuk menghormati penganut agama lain dalam hubungannya dengan kerukunan antara umat beragama dalam masyarakat hingga terwujud kesatuan dan persatuan bangsa. Jadi Pendidikan Agama Islam (PAI) merupakan usaha sadar yang dilakukan guru dalam mempersiapkan pelajar untuk meyakini, memahami, dan mengamalkan ajaran Islam melalui kegiatan bimbingan, pengajaran dan pelatihan yang telah dirancang untuk mencapai tujuan yang telah ditetapkan.

1.8.4 Kurikulum 2013

Merujuk Kamus Dewan Edisi ke empat (2005), kurikulum adalah skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah dll. Senarai kesemua mata pelajaran (kursus) pengajian di sekolah dan dll. Kurikulum menurut Undang-Undang Sistem Pendidikan Nasional Nomor 20 Tahun 2003 pasal (1) ayat (19) adalah seperangkat rancangan dan pengaturan mengenai tujuan, isi, dan bahan pembelajaran serta cara yang digunakan sebagai panduan penyelenggaraan kegiatan pembelajaran untuk mencapai tujuan pendidikan tertentu.

Kurikulum yang dimaksud dalam kajian ini adalah kurikulum 2013 yang telah dilakukan perubahan dan pembangunan. Menurut Menteri Pendidikan dan Kebudayaan R.I (Mendikbud) Muhammad Nuh, perubahan dan pembangunan dimulai dengan penataan terhadap empat elemen standard nasional, iaitu: Standard Kompetensi Lulusan (SKL), Standard Isi (SI), Standard Proses (SP), dan Standard Penilaian (SPn).

2. Tinjauan Literatur

Pentingnya kefahaman guru PAI dalam pelaksanaan kurikulum dapat dilihat dari penjelasan para pakar diantaranya; Siti Hawa Ahmad (1986) dalam kajian tentang inovasi kurikulum telah menjelaskan pentingnya peranan guru kerana gurulah yang akan menentukan apa yang berlaku di dalam bilik darjah. Guru dianggap sebagai seorang pemimpin di dalam bilik darjah dan bertanggung jawab memastikan matlamat dan objektif pembelajarannya tercapai. Mullen (2007) menjelaskan guru merupakan individu yang memudahkan dan melancarkan pembangunan suatu kurikulum di samping menerima dan memenuhi kehendak semua pelanggannya. Abd Ghafar Md. Din (2003) turut menjelaskan di dalam bilik darjah berlakunya pertarungan yang sebenar. Oleh itu, kedudukan tenaga guru menjadi penting dan strategik agar pelaksanaan kurikulum boleh tercapai. Malah, pelaksanaan kurikulum merupakan bahagian yang teramat penting perlu dilaksanakan oleh guru dalam usaha mencapai pembelajaran pelajar. Meredith, E.M (2000), guru memainkan peranan yang sangat penting dalam aktiviti melaksanakan kurikulum. konsep melaksanakan bermaksud guru dapat menjalankan kurikulum tersebut melibatkan kegiatan pembelajaran di dalam bilik darjah. Guru perlu mempunyai tahap kepakaran dan kemahiran yang dibentuk berdasarkan ilmu pengetahuan yang kukuh.

Southworth (2002) P&P termasuk pembelajaran profesional guru dan juga perkembangan pelajar. Oleh itu, guru sewajarnya mengambil berat terhadap pembelajaran termasuk pembelajaran profesionnya mahupun pertumbuhan pelajar itu sendiri. Sparkes (1991), penentu perubahan kurikulum adalah kompetensi para tenaga guru. Ia membezakan antara kompetensi teknik dan kompetensi prosedural. Kompetensi teknik merepresentasi kemampuan personal guru untuk melakukan keterampilan fizik. Sedangkan kompetensi prosedural adalah kemampuan personal guru dalam mentranslasikan konsep ke dalam praktik, merapatkan jurang antara teori dan praktik. Kompetensi prosedural membiasakan personal guru untuk membuat transformasi konseptual, dari idea abstrak pada kurikulum ke dalam praktik pembelajaran. Satu cara untuk mengurangkan salah faham atau kurang faham dikalangan guru ialah dengan menjelaskan kepada mereka konsep-konsep serta pengetahuan dan kemahiran baru melalui kursus-kursus pendek dalam pengkhidmatan.

Cole (1971), Mc Donald dan Walker (1974) mendapati guru-guru ada menunjukkan peningkatan dalam usaha melaksanakan sesuatu inovasi setelah menjalankan latihan kerana apa yang hendak dilaksanakan menjadi lebih jelas.

Menurut pandangan Hamalik (2009), kejayaan pelaksanaan kurikulum sebahagian besar terletak ditangan guru, selaku pelaksana kurikulum. Para guru bertanggungjawab sepenuhnya dalam pelaksanaan kurikulum, baik secara keseluruhan mahupun sebagai tugas yang berupa penyampaian bidang kajian atau mata pelajaran yang sesuai dengan program yang dirancang kurikulum. Bagaimanakah peranan guru sebagai pengelola kurikulum?. Sebagai pengelola kurikulum, guru bertanggungjawab antara lain membuat perancangan pembelajaran, baik dalam bentuk unit mahupun dalam pembuatan model satuan pelajaran. Selain itu juga guru harus berusaha mengumpulkan dan mencari bahan dari pelbagai sumber, menyediakan perlengkapan atau media pengajaran, mengadakan komunikasi dan konsultasi dengan pelbagai badan atau pejabat yang mungkin dapat membantunya dalam pelaksanaan kurikulum, mengumpulkan data tentang penyertaan pelajar dalam mengikuti pelajaran atau pelbagai kegiatan kurikulum lainnya, ikut serta menyusun jadual pelajaran dan mengikuti pelbagai pertemuan yang diselenggarakan oleh sekolah dan para pengawas, serta membuat laporan tentang hasil kegiatan kurikulum yang telah dilakukan.

Shulman, (1987) menyatakan, pembangunan kurikulum baru memerlukan para guru untuk menguasai pengetahuan terhadap mata pelajaran sesuai dengan visi yang terkandung di dalam kurikulum baru. Penguasaan yang lebih baik pada kurikulum baru diperlukan untuk memahami alasan pedagogis dan memberikan motivasi kepada para tenaga guru supaya membuat perbezaan lebih berkembang serta membuat keberkaitan antara pengetahuan yang telah mereka kuasai dengan yang belum/tidak dikuasai pada dokumen kurikulum lama dan baru. Dokumen kurikulum membantu membangun keputusan tentang rancangan program pembelajaran dan praktiknya (Behar, 1994). Mercus (1999) menambahkan kejayaan suatu kurikulum berkaitan secara langsung dengan pelaksanaannya. Oliva, P.F (1997) menambah, guru dilihat sebagai kumpulan yang penting dalam pengembangan kurikulum. Guru juga perlu menjadi sebahagian daripada ahli dalam komiti kurikulum. Malah guru hendaklah mengambil bahagian dalam semua peringkat pembangunan kurikulum. Oliva melanjutkan, secara tipikal guru menganggap diri mereka sebagai pengajar dan kurang memahami peranan mereka dalam bidang kurikulum. Guru yang belum berkhidmat perlu diberi kursus mengenai tanggung jawab dan peluang dalam pembangunan kurikulum.

Hook dan Vass (2000) turut menyatakan bahawa kepemimpinan bilik darjah yang berkesan memerlukan guru yang memiliki kemahiran seperti berikut, (a) boleh mengembangkan keupayaan untuk memahami dan mempunyai visi, (b) mempunyai kemahiran menghasilkan hubungan yang berkesan, (c) memahami tingkah laku dan keinginan pelajar, (d) memahami bilik darjah sebagai satu sistem, dan (e) berkebolehan mencari penyelesaian dan menganalisis maklumat. Menurut Merideath, E.M (2000) guru memainkan peranan yang sangat penting dalam aktiviti melaksanakan kurikulum. Konsep melaksanakan bermaksud guru dapat menjalankan kurikulum tersebut dan ini melibatkan kegiatan pembelajaran di dalam bilik darjah. Guru perlu mempunyai tahap kepakaran dan kemahiran yang dibentuk berdasarkan ilmu pengetahuan yang kukuh.

Menurut Warner (1981) dalam melakukan pembangunan perlu difikirkan pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan (guru, guru besar, guru penolong kanan dan lain-lain). Bagi guru, kebanyakan mereka menumpukan perhatian dalam bilik darjah, apa dan bagaimana inovasi yang diperkenalkan itu memberi kesan kepada mereka semasa di dalam bilik darjah. Selari dengan itu, Darling-Hammond et.al. (2005) menyatakan bahawa guru hendaklah mampu untuk mempersiapkan semua pelajar agar memiliki kemampuan berfikir yang meliputi kemampuan mencari masalah, mengintegrasikan, dan merumus informasi, menciptakan penyelesaian baru, dan menciptakan kemampuan pelajar dalam hal belajar berdikari dan bekerja dalam kumpulan. Dengan demikian guru sebolehnya harus benar-benar mampu untuk menemui cara untuk mendorong dan mengembangkan pemenuhan seluruh keperluan pelajar berdasarkan potensi yang dimilikinya. Menurutnya, dalam pelaksanaan pembelajaran terdapat lima keupayaan utama yang seharusnya dimiliki guru, yakni keupayaan konten pembelajaran, keupayaan konseptualisasi, keupayaan proses pembelajaran, keupayaan komunikasi interpersonal, dan keupayaan reflektif. Darling-Hammond et.al. (1999), Nichols, G., (2002), dan Lang dan Evans, (2006).

Menurut Brady (1985), faktor status individu memiliki implikasi pendidikan penting. Personal tenaga guru yang mungkin dapat memberikan halangan terhadap perubahan kurikulum perlu diperhatikan oleh barisan pimpinan lembaga pendidikan. Pimpinan harus dapat memudahkan dialog antara tenaga guru dan staf pendukung di lembaganya, guru, dan segenap staf pendukung untuk menghindari konflik atau persepsi lain yang kontra positif terhadap maksud perubahan dan pembangunan kurikulum. Dimensi emosi antara kelompok terlibat dan kelompok lain yang tidak terlibat tidak boleh diabaikan (Hargreaves, 1998). Selain itu, Hargreaves (1998) berpendapat bahawa para tenaga guru idealnya memiliki penyikapan terhadap pengaruh dan manfaat perubahan kurikulum secara tulus berkait dengan emosi personal dan hubungan antara kakitangan sejawatan. Wujudnya sikap yang positif dan tulus di dalam diri seseorang akan memberikan kesan yang positif terhadap perubahan yang dimaksudkan pada kurikulum.

Pengetahuan tentang kurikulum oleh guru adalah berupa pengetahuan personal yang bijaksana, yakni kemampuan untuk menangkap idea pengalaman masa lalu untuk dimanfaatkan dan dikembangkan dalam menghadapi situasi masa hadapan (Clandinin, 1988). Titik mula dari perkembangan pengetahuan personal praktik berasal dari dokumen kurikulum seperti sukatan pelajaran/kerangka kandungan kurikulum sebagai dasar pengetahuan pembelajaran. Sebelum membuat keputusan pedagogis tentang apa yang harus dibelajarkan, para guru, dituntut mengembang kefahaman tentang apa yang harus dibelajarkan. Mereka dituntut memahami secara kritis berkaitan set idea yang diajarkan dan kaitannya dengan mata pelajaran lain. Kefahaman tersebut merupakan bekal awal terhadap dimensi pedagogis lain: tranformasi, instruksi, penilaian, dan refleksi (Shulman, 1987).

3. Metodologi Kajian

Pengkajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang tahap kefahaman guru pendidikan Agama Islam (PAI) terhadap pelaksanaan kurikulum 2013 pada Sekolah Menengah Atas (SMA) dalam Negeri Aceh. Berdasarkan para pakar aspek demografi juga telah dikenalpasti dan didapati mempengaruhi atau berhubungkait dengan tahap kefahaman guru PAI, seperti jantina, kursus yang diikuti, tahap pendidikan, pengalaman mengajar, lokasi tempat kerja. Pemilihan guru PAI sebagai subjek pengkajian adalah kerana kesesuaian fokus kajian dengan latar belakang akademik pengkaji iaitu Pendidikan Agama Islam (PAI). Pemilihan Mata pelajaran Pendidikan Agama Islam (PAI) kerana merupakan salah satu mata pelajaran yang wajib diberi perhatian pada tingkat pendidikan menengah atas yang melaksanakan kurikulum 2013. Mata pelajaran ini juga berhubungkait dengan tujuan utama pelaksanaan kurikulum 2013 iaitu pembentukan karakter dan kompetensi. Pemilihan Negeri Aceh sebagai tempat pengkajian adalah disebabkan Aceh merupakan salah satu Negeri paling Barat Indonesia yang menyatakan sedia dan mendapat legalisasi melaksanakan kurikulum 2013. Di samping itu, pengkaji juga merupakan salah satu warga Aceh yang melakukan studi di luar negara. Secara moral akademik patut memberikan sumbangsih pemikiran dengan hasil kajiannya dalam rangka membangun masa depan pendidikan Aceh yang lebih baik di masa yang akan datang. Faktor kedaerahan pengkaji juga boleh memperkuat kesungguhan dan kegigihan serta akan menegakkan integriti akademik bagi kajian ini. Selain daripada itu, kedudukan geografi juga akan memberikan kemudahan bagi pengkaji dalam pengumpulan dan pengawalan data yang melingkupi Negeri Aceh.

3.1 Reka Bentuk Kajian

METODOLOGI PENELITIAN

Kajian ini bertujuan mengkaji kefahaman guru PAI terhadap kaedah saintifik bagi implementasi kurikulum 2013 dalam merancang dan melaksanakan pembelajaran PAI pada Sekolah Menengah Atas (SMA) Bandar dan luar Bandar dalam Provinsi Aceh. Justeru itu, untuk menjalankan kajian ini pengkaji menggunakan reka bentuk kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif yang disepadukan (*mixed method concurrent nested/concurrent embedded strategy*) telah digunakan. Gabungan kedua-dua kaedah ini perlu kerana ia boleh saling melengkapi data antara satu sumber dengan sumber yang lain, yang memandang setiap kaedah masing-masing mempunyai kelebihan dan kekurangan (Creswell & Clark, 2007).

Dalam kajian ini kaedah kuantitatif adalah dominan berbanding kaedah kualitatif kerana tujuan kaedah kualitatif sebagai satu bentuk sokongan data kuantitatif. Terdapat beberapa saranan bahawa penggunaan kedua-dua kaedah ini dapat memantapkan dapatan dan kefahaman tentang sesuatu fenomena yang berlaku antaranya Brewer dan Hunter (2005); Frechtling dan Shrap (1977) dan Sabitha (2006). Johnson, Onwuegbuzie dan Turner (2007) menekankan pendekatan kaedah gabungan membolehkan kajian dilakukan dengan lebih mendalam dan meluas untuk meningkatkan kefahaman dan sokongan data. Penggunaan teknik temu bual bukan sahaja menyokong dan menambahkan bukti tetapi juga membaantu mengesahkan dapatan yang diperoleh dari soal selidik

(Cohen, Manion & Morrison, 2000). Neuman (2006) dan Woods (2006) berpendapat penggunaan beberapa kaedah meneroka akan meningkatkan peluang pengkaji untuk mengkaji secara mendalam dan lebih tepat.

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada guru Pendidikan Agama Islam (PAI) dalam negeri Aceh yang telah mengikuti kursus/pelatihan kurikulum 2013 yang pengkaji peroleh dari Surat Keputusan Kepala Badan Pengkajian dan Pengembangan (Balitbang) Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, No. 022/H/KR/2015 tentang penetapan peringkat pendidikan pelaksana kurikulum 2013. Pengkaji mengenal pasti sebanyak 23 daerah dan 460 Sekolah Menengah Atas (SMA) yang memenuhi kriteria sebagai pelaksana kurikulum 2013 dalam Negeri Aceh. Teknik persampelan adalah persampelan bertujuan (*purposive sampling*), persampelan rawak (*simple random sampling*) dan persampelan kluster (*cluster sampling*). penetapan saiz sampel dalam kajian ini adalah seramai 211 orang sampel berasaskan jadual penentuan saiz oleh Krejcie dan Morgan. Jadual 1 menunjukkan jumlah guru PAI dari Sekolah Menengah Atas (SMA) di setiap wilayah dalam Negeri Aceh yang terpilih sebagai sampel kajian.

Jadual 1 Populasi dan Sampel Kajian

Bil	Zon	Wilayah	Bil. SMA	Bil. Sampel
1	Timur	Aceh Tamiang, Kota Lhokseumawe dan Kabupaten Bireuen.	20	66
2	Tengah	Kota Subulussalam, Kabupaten Nagan Raya, Kabupaten Aceh Barat dan Kabupten Aceh Jaya.	26	49
3	Barat	Kota Banda Aceh, Kabupaten Aceh Besar, dan Kabupaten Pidie.	50	96
Jumlah			202	211

Instrumen kajian ini untuk mendapatkan data kuantitatif ialah soal selidik dalam bentuk Skala Likert dan soalan Objektif. Ia merupakan alat yang dibentuk secara khusus untuk mengumpulkan data maklumat bagi tujuan analisis untuk menjawab persoalan kajian atau objektif (Mohd Majid, 2000; Sabitha, 2006).

Manakala Kaedah temu bual separa struktur (*semi-structured*) telah digunakan untuk memperoleh data kualitatif. Temu bual berstruktur melibatkan penjadualan soalan yang ketat., iaitu penyelidik akan bertanyakan setiap responden penyelidikan soalan yang sama dengan gaya atau cara yang sama dan biasanya telah tersedia senarai semak tentang apa yang hendak diselidik, Ghaziah, Nabilah, Shireena, Rohaya & Norshidah (2010).

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan sampel kajian iaitu guru Pendidikan Agama Islam (PAI) yang mengajar di Sekolah Menengah Atas (SMA) dalam Negeri Aceh. Menurut Fraenkel dan Wallen (1996) bahawa kaedah pengkajian kuantitatif yang berasaskan tinjauan boleh membekalkan maklumat untuk mendeskripsikan ciri-ciri sesuatu kumpulan. Dengan berbekalkan maklumat ini maka reka bentuk kajian didapati bersesuaian dengan tujuan kajian ini iaitu mengenal pasti tahap kefahaman guru PAI dalam pelaksanaan kurikulum 2013 pada Sekolah Menengah Atas (SMA) dalam Negeri. Instrumen kajian ini adalah borang soal selidik dan temubual yang digunakan untuk mendapatkan maklum balas guru bagi mendapatkan data yang dikehendaki. Borang soal selidik ini diberikan kepada guru PAI yang mengajar pada Sekolah Menengah Atas (SMA) berkenaan. Menurut Sekaran (1992), bahawa soal selidik melalui tinjauan adalah cara yang paling berkesan dalam pengumpulan data. Selain itu, kajian soal selidik bagi mendapatkan data merupakan cara terbaik dalam pengumpulan maklumat selari dengan itu instrumen temuabual digunakan untuk balance cek data yang didapati secara kuantitatif.

3.2 Populasi dan Sampel

Bagi menentukan sampel kajian, pengkaji mendasarkan pada Surat Keputusan Kepala Badan Pengkajian dan Pengembangan (Balitbang) Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, Nomor: 022/H/KR/2015, tentang penetapan satuan pendidikan pelaksana kurikulum 2013. Untuk Sekolah Menengah Atas (SMA) berjumlah 104 sekolah yang memenuhi kriteria sebagai pelaksana kurikulum 2013, sekolah tersebut tersebar dalam seluruh Negeri Aceh. Jumlah populasi sekolah tersebut dibahagikan kepada empat zon iaitu: *Pertama* zon Timur yang terdiri daripada Kabupaten Aceh Timur, Kota Lhokseumawe dan Kabupaten Bireueun. *Kedua* zon Tengah yang terdiri daripada Kabupaten Bener Meriah, Kabupaten Aceh Besar, Kota Banda Aceh, Kabupaten Pidie, dan Kabupaten pidie Jaya. *Ketiga* zon Barat yang terdiri daripada Kabupaten Aceh Barat, dan Kabupaten Aceh Barat Daya. *Keempat* zon Selatan yang terdiri dari Kabupaten Nagan Raya, Kabupaten Aceh Jaya, dan Kota Sabang. Pertimbangan pengelompokan sekolah berdasarkan zon didasarkan pada pertimbangan segi geografi (letak) sekolah sehingga memberikan kesempatan kepada semua sekolah/wilayah dalam daerah/kabupaten/kota untuk dijadikan sampel pengkajian, dan hal ini ia boleh memberikan tingkat kehomogenan yang tinggi bagi *purposive sampling*, *cluster sampling* dan *simple random sampling*.

Teknik pengambilan bilangan sampel didasarkan pada analisa tabel, Krejcie dan Morgan (1970) dengan populasi 313, dengan mengambil kira aras kesignifikan pada $p < .05$ diperlukan 175 guru PAI. Jika dilihat kepada jadual Isaac dan Michael (1981) dengan 313 populasi mengambil kira aras kesignifikansi $p < .05$ diperlukan sampel 167 orang (jadual pada lampiran). Beradasarkan pada penetapan saiz sampel di atas, maka pengkaji menetapkan sampel pengkajian sebesar 175 guru PAI yang di dasarkan pada pendapat Krejcie dan Morgan. Dengan pertimbangan besaran sampel tersebut di atas mewakili sampel yang diutarakan oleh Cohen et.al dan Isaac dan Michael (1981).

Jadual 1; Populasi dan Sempel Kajian

Bil	Zon	Wilayah	Bil. SMA	Bil.Guru PAI	Bil. Sempel
1	Timur	Aceh Timur, Kota Lhokseumawe, Bireuen	39	123	69
2	Tengah	Bener Meriah, Aceh Besar, Banda Aceh, Pidie, pidie Jaya	41	125	70
3	Barat	Aceh Barat, Aceh Barat Daya	4	9	5
4	Selatan	Nagan Raya, Aceh Jaya, Kota Sabang	20	56	31
Jumlah			104	313	175

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik dan temubual. Penggunaan soal selidik sebagai alat kajian adalah berdasarkan kepada beberapa kekuatan. Antaranya ialah dapat mengukur ciri-ciri atau pemboleh ubah daripada saiz sampel yang besar bagi mempertingkatkan parameter populasi seterusnya dapat mengurangkan ralat persempelan. Dengan adanya arahan dan soalan yang diberikan sebagai piawai, responden dapat bertindak balas secara berkesan. Gerak balas subjek terhadap rangsangan soalan dipengaruhi oleh penambahan atau pengurangan arahan. Soal selidik juga dapat mempertingkatkan ketetapan dan kebenaran gerak balas responden terhadap rangsangan soalan yang diberi (Mohd. Majid 1993). Instrumen temubual digunakan dalam kajian ini hanya berfungsi untuk balance cek data kuantitatif.

Borang soal selidik kajian ini mengandungi tiga aspek iaitu tentang demografi guru PAI, kefahaman guru PAI tentang perubahan dan pembangunan kurikulum 2013, kefahaman guru PAI tentang elemen kurikulum PAI. Ia terdiri dari bahagian-bahagian berikut: Bahagia A; demografi, memberikan tumpuan kepada ciri-ciri demografi iaitu jantina, kursus yang diikuti, tahap pendidikan, pengalaman mengajar, lokasi tempat kerja, dan buku teks yang digunakan. Bahagian B; kefahaman guru PAI tentang pembangunan kurikulum 2013 merangkumi; kompetensi lulusan, kandungan, proses, penilaian, kerangka dasar, struktur, sukatan pelajaran, Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP). Bahagian C; kefahaman guru tentang elemen kurikulum PAI yang merangkumi objektif, kandungan, kaedah dan penilaian pembelajaran PAI.

Jadual 2; Pembahagian kandungan instrumen soal selidik

Bahagian	Konstruk	Jumlah Item
A	Kompetensi Lulusan dalam Kurikulum 2013	12
B	Materi pembelajaran dalam kurikulum 2013	19
C	Proses Pembelajaran dalam Kurikulum 2013	16
D	Penilaian Pembelajaran dalam Kurikulum 2013	22
E	Kerangka Dasar kurikulum 2013	18
F	Struktur Kurikulum 2013	17
G	Sukatan pelajaran dalam kurikulum 2013	14
H	Rencana pelaksanaan pembelajaran (RPP)	13
I	Objektif Pembelajaran PAI	12
J	Kandungan Pembelajaran PAI	18
K	Kaedah Pembelajaran PAI	41
L	Penilaian Pembelajaran PAI	36
JUMLAH		237

3.4 Kesahan Instrumen Soal Selidik Kefahaman Guru PAI Terhadap Pelaksanaan Kurikulum 2013

Dalam mendapatkan kesahan kandungan soal selidik kefahaman guru PAI terhadap pelaksanaan kurikulum 2013 dalam kajian ini telah menggunakan kaedah *external criticisms* iaitu dengan mendapatkan koefesien kesahan berdasarkan kepada purata dari skor kumulatif yang diperoleh daripada penilaian beberapa orang pakar. Pengkaji telah memberikan soal selidik, borang penilaian pakar dan ringkasan cadangan kepada tiga orang pensyarah yang pakar dalam bidang kurikulum dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Mereka telah memberikan penilaian dan komen-komen untuk penambahbaikan instrumen yang berkaitan dengan penggunaan istilah yang lebih konkrit dan tidak meleret yang boleh membingungkan responden serta mengurangi item soal selidik yang dianggap terlalu banyak untuk konstruk tertentu. Pengkaji telah melakukan analisis hasil penilaian para pakar untuk mendapatkan kesahan kandungan soal selidik.

Perolehan daripada penilaian pensyarah atau pakar dalam bidang kurikulum adalah tahap 1 dengan nilai min 8.30. Pada tahap ini pengkaji mendapati 4 item yang harus digugurkan kerana memiliki nilai rendah yang tidak mencapai aras yang telah ditetapkan iaitu 0.60. Analisis tahap 2 mendapati selepas item-item yang di bawah nilai 0.60 digugurkan, maka nilai min meningkat kepada 8.42. Oleh itu, semua item-item yang memenuhi nilai tersebut dikekalkan sebagai soalan yang akan digunapakaikan dalam kajian rintis dengan bilangan keseluruhan 233 item soal selidik.

3.5 Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik Kefahaman Guru PAI Terhadap Pelaksanaan Kurikulum 2013.

Kebolehpercayaan soal selidik tentang kefahaman guru PAI terhadap pelaksanaan kurikulum 2013 yang ditentukan berdasarkan nilai *Alpha Cronbach* dan nilai korelasi antara item dengan jumlah skor. Kajian rintis telah dijalankan untuk menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Responden kajian rintis terdiri daripada 50 orang guru PAI yang mengajar di Sekolah Menengah Atas (SMA) dan Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) telah diminta untuk menjawab soal selidik yang mengandungi 233 item. Guru PAI yang dipilih sebagai responden

kajian rintis ini adalah guru PAI yang telah mengikuti kursus tentang pelaksanaan kurikulum 2013 dan telah melaksanakannya dalam proses pembelajaran PAI dalam bilik darjah.

Semua guru PAI yang dijadikan responden dalam kajian rintis ini memiliki kriteria yang sama dengan responden dalam kajian sebenar yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu telah memiliki sijil sarjana, mengikuti kursus kurikulum 2013, mengajar mata pelajaran PAI di sekolah SMA dan SMK di sekitar Negeri Aceh. Pengkaji telah bertemu langsung dengan semua responden dan menjelaskan instrumen kajian kepada semua guru PAI tersebut agar para responden dapat memahami dalam memberikan maklum balas terhadap semua item soal selidik.

Hasil kajian rintis mendapati 9 item tidak sah kerana mempunyai koefisien koerelasi antara item yang rendah daripada aras penerimaan 0.30. Oleh itu, pengkaji mengambil keputusan untuk menggugurkan item tersebut pada kajian sebenar. Dengan demikian jumlah item keseluruhan yang sah adalah 224 item daripada 233 item yang diuji. Nilai *Alpha Cronbach* keseluruhan adalah 0.984. Nilai nilai *Alpha* keseluruhan setelah menggugurkan 9 item meningkat kepada 0.985 ini termasuk dalam kategori sangat baik.

3.6 Analisa Data

Menurut Marshall et al. (1995) analisis data merupakan satu proses menyusun, menstruktur dan menerangkan data yang dikumpul. Semua item dalam borang soal selidik di 'pre-code', setelah itu borang soal selidik ini dipindahkan kedalam lampiran koding (*coding sheets*) untuk memudahkan membuat analisis dengan komputer. Pada peringkat pertama analisis data adalah penyamakan dan penapisan (*screening*) dilakukan bagi memastikan kenormalan data serta mengenal pasti kes-kes *outlier*. Data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan "*statistical Package the Social Sciences (SPSS)*" versi 20. Dua kaedah akan digunapakaikan untuk menganalisis data dalam kajian ini, iaitu analisis deskriptif dan analisis inferens.

3.6.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif digunakan bagi tujuan membuat huraian secara terperinci tentang tahap kefahaman guru PAI tentang pengembangan kurikulum 2013, tahap kefahaman guru PAI terhadap regulasi kurikulum 2013, tahap kefahaman guru PAI terhadap perubahan Standard Nasional Pendidikan, dan tahap tentang tatacara pelaksanaan pembelajaran dalam kurikulum 2013, serta untuk menjelaskan hambatan-hambatan yang dihadapi guru PAI dalam pelaksanaan kurikulum 2013. Analisis ini dibincangkan dalam bentuk statistik deskriptif menggunakan indeks min, frekuensi dan peratusan.

Skor min antara 1.00 hingga 2.00 menunjukkan skor bagi pemboleh ubah atau elemen pemboleh ubah tersebut pada tahap rendah. Skor min 2.01 hingga 3.00 menunjukkan skor bagi pemboleh ubah atau elemen pemboleh ubah pada tahap sederhana. Skor min antara 3.01 hingga 4.00 pula menunjukkan skor min pemboleh ubah atau elemen pemboleh ubah yang dikaji pada tahap tinggi (Mahriza Mansor & Norlia Mat Norwani, 2010).

Jadual 3; Garis panduan bagi skor Min pemboleh ubah atau elemen pemboleh ubah

Skor Min	Tafsiran Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sedang
3.01 hingga 4.00	Tinggi

3.6.2 Analisis Inferens

Analisis inferens bagi tujuan sama ada terdapat kesan interaksi antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas dan bersandar yang dikaji analisis inferens digunakan. Analisis inferens pula digunakan untuk membuat hubungan, perbezaan dan ramalan yang wujud antara pemboleh ubah dengan pemboleh ubah. Dalam kajian ini didapati dua situasi, pertama pemboleh ubah bebas adalah demografi guru yang meliputi; jantina, pengalaman mengajar, jenjang pendidikan, kursus yang diikuti, tempat tugas mengajar, dan buku teks. Manakala pemboleh ubah bersandar adalah kefahaman guru PAI terhadap pengembangan kurikulum 2013 dan elemen kurikulum PAI. Pengembangan kurikulum 2013 meliputi; kompetensi lulusan, kandungan pelajaran, proses pembelajaran, penilaian, kerangka dasar kurikulum, struktur kurikulum, sukatan pelajaran dan rancangan pelaksanaan pembelajaran (RPP), manakala elemen kurikulum PAI adalah objektif pembelajaran PAI, kandungan pembelajaran PAI, kaedah pembelajaran PAI, dan penilaian PAI.

Seterusnya sebelum pengujian hipotesis dilakukan dahulu analisis statistik deskriptif seperti skor min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan digunakan bagi menghuraikan latar belakang guru. Seterusnya, analisis faktor konfirmatori dengan putaran varimax digunakan bagi mengkatagorikan semula item-item skala kefahaman guru PAI bagi kurikulum 2013 yang dijawab oleh guru. Seterusnya bagi setiap soal selidik analisis kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* dilakukan sekali dengan menggunakan bilangan sampel sebenar kajian.

Dalam kajian ini, paras signifikan ditentukan adalah pada aras 0.05 (95%) untuk menolak dan menerima hipotesis-hipotesis nul kajian. Paras signifikan 0.05 (95%) menunjukkan pengkaji mempunyai paras keyakinan 0.95 (1-0.05) atau 95 peratus semasa membuat keputusan menerima hipotesis nul kajian. Dengan kata lain, jika paras signifikan 0.05, keberangkalian menerima hipotesis nul yang benar adalah 0.95. Aras kesignifikanan 0.05 adalah biasa digunakan dalam kajian Sain Sosial (Anatasia 1997; Bailey 1992; Babbie 2001; Kerlinger & Pedhazur 1973). Ujian statistik inferens yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis varian (Anova) dilakukan apabila terdapat tiga atau lebih kategori dalam pemboleh ubah bebas (Alias 1997; Aron dan Aron 2002; Gay dan Airasian 2003; Green & Salkind 2003; McMillan 2000; Wiseman 1999). Dalam kajian ini digunakan ANOVA dan MANOVA, kerana terdapat lebih dari tiga katagori dalam pemboleh ubah bebas. ANOVA dan MANOVA digunakan bagi melihat perbezaan min dalam dan antara kumpulan bagi kefahaman guru PAI terhadap implementasi kurikulum 2013, yang merangkumi pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Analisis ANOVA akan digunakan dalam kajian ini, untuk menjawab persoalan kajian yang mempunyai dua pemboleh ubah. Analisis ini akan digunakan bagi melihat sama ada terdapat perbezaan statistik yang signifikan antara pemboleh ubah demografi guru PAI dengan kefahaman guru PAI terhadap pelaksanaan kurikulum 2013.

3.6.3 Rumusan

Huraian di atas telah menjelaskan beberapa hal mendasar, tentang masalah yang akan menjadi fokus dan pola kajian yang berkaitan dengan kefahaman guru Pendidikan Agama Islam (PAI) pada keseluruhan uraian terdahulu menunjuk signifikansi masalah kajian yang perlu dilakukan untuk menjawab soalan dalam pelaksanaan kurikulum 2013 khususnya berkaitan dengan kedudukan guru sebagai penentu kejayaan pelaksanaan kurikulum. metodologi yang digunakan memberikan langkah-langkah dalam memecahkan masalah pengkajian secara ilmiah.

Bibliografi

- Aat Syafaat H.TB, Dkk. 2008. *Peranan Pendidikan Agama Islam dalam Mencegah Kenakalan Remaja*, Serang: Rajawali Pers.
- Abd. Ghafar Md. Din (2003). *Prinsip dan amalan pengajaran*. Kuala Lumpur : Utusan Publication dan Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad, Muhammad Abdul Qadir. 2008. *Metologi pengajaran agama Islam*. Jakarta: PT. Rineka Cipta.
- Aqib Zainal, dan Elham. 2008. *Membangun Profesionalisme Guru Dan Pengawas Sekolah*, Bandung: CV Yrama Widya.
- Arifin, H.M. 2003. *Ilmu Pendidikan Islam: Tinjauan Teoritis dan Praktis Berdasarkan Pendekatan Interdisipliner*, ed.Rev, Jakarta: Bumi Aksara.
- Arikunto, Suharsimi. 1998. *Prosedur Penelitian; suatu pendekatan dan praktek*. Cet ke-11. Jakarta: PT. Rineka Cipta.
- Assegaf, Abd. Rachman. 2013. *Aliran pemikiran pendidikan Islam: Hadharah keilmuan tokoh klasik sampai modern*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Babbie, E. 2001. *The practice of social research*. Edisi ke 9. Belmont, CA: Wadsworth.
- Bady, L & Kennedy, L. 1999. *Curriculum Construction*. Sydney: Prentice Hall.
- Ball, S.J. 1985. *School Politics, Teachers' Careers and Educational Change: A case study of becoming a comprehensive school*. In L. Barton and S. Walker (eds), *Education and Social Change*. London: Croom Helm.
- Behar, L.S. 1994. *The knowledge base of curriculum: an empirical analysis*. (Lanham, MD: University Press of America).
- Bloom, B.S. (Ed). 1979. *Taxonomy of Educational Objectives*. London: Longman Group Ltd.
- Chua, Y.P. 2006. *Kaedah dan statistik penyelidikan. Kaedah penyelidikan*. Buku 1. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Chua, Y.P. 2006. *Kaedah dan statistik penyelidikan. Kaedah penyelidikan*. Buku 2. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Chuan, Y.P. (2006). *Research Methods*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Cohen, L. & Manion, L. 2000. *Research method in education*. Edited by 5. London: Routlege Falmer.
- Cohen, L. & Manion, L. 1994. *Research methods in education*. Ed. Ke-4. London: Kogan Page.
- Creswell, J.W. 2005. *Educational research: planing, conducting and evaluating, quantitative and qualitative research*. Ed. Ke-2 Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Davis, D. 2002. *Business research for decision making*. Ed. Ke-5. New York: Duxbury Thomson Learning, University of Central Florida.
- Drake, Susan M. 2013. *Menciptakan terintegrasi yang berbasis standar*. Ed. Ke-3. Jakarta: PT. Indeks.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N.E, (1996). *How to design an evaluate research in education* 3rd edition. Newyork: McGraw-Hill.
- Fullan, M. (1993). *Change forces: probing the depths of education reform*. London: Falmer Press.

- Fullan, M. 2007. *The New Meaning of educational change*, New York: NY., Teacher Collage press.
- Fullan, M.G. & Stiegelbauer, S. 1991. *The new meaning of educational change* (2nd edition). New York Teachers College Press.
- Fullan, M.G. 1982. *The meaning of educational change*. New York: Teachers College Columbia University.
- Gagne, R.M. 1975. *Essentials of Learning for Instruction*. New York: Holt. Rinchart and Winston.
- Gay, L.R. & Airasian, P. (2003) *Education Research. Competencies for Analysis and Application*. Ed, ke 7. New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Gay, L.R., Mills, G.E., & Airasian, P. (Eds.) (2006). *Education Research. Competencies for Analysis and Applications* (8 th ed). Upper Saddle River: Pearson Educational, Inc.
- Gunawan, Heri. 2013. *Kurikulum dan pembelajaran pendidikan Agama Islam*. Cet ke-2 Bandung: CV. Alfabeta.
- Gutek, L. Gerald L. 2004. *Philosophical and ideological voices in education*. Pearson Education.
- Hair, J.F., W.C., Babin, B.J., Anderson, R.E., & Tatham, R.L. (1998). *Multivariate data analysis*. New Jersey: Pearson Education International.
- Hamalik, Oemar. 2009. *Dasar-dasar pengembangan kurikulum*. Cet ke-3. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Hamalik, Oemar. 2013. *Kurikulum dan pembelajaran* . Cet ke-13. Jakarta: Bumi Aksara.
- Hamdan, Abdul Rahim. 2007. *Pengajian kurikulum*. Cet. Ke-3. Johor Bahru, Johor Darul ta'zim : UTM Press.
- Hamid Hasan, S. 2007. *Ilmu dan aplikasi pendidikan*, Bandung: Pedagogiana Press, 2007.
- Hammond L.D. and Hudson, L., (1990) Precollege Sdcience and Mathematica Teachers: Supply, Demand and Quality. In Marianne Amarel, at.al., (Ed) Review of Researc In Education 1989-1990. Washington: DC.: AERA.
- Hamzah, Mohd. Daud. 1994. *Reka bentuk kurikulum sekolah*. Selangor Darul Ehsan: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka Lot1037, Mukim Perindustrian PKNS.
- Haryati, Mimin. 2008 *Model Teknik Penilaian Pada Tingkat Satuan Pendidikan*, Jakarta: Gaung Persada Press.
- Hasan, Hamid. 2009. *Evaluasi kurikulum*, cet. Ke-2. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Hidayat, Ara., & Imam Machali. 2012. *Konsep, prinsip, dan aplikasi dalam mengelola sekolah dan madrasah*. Yogyakarta: Kaukaba.
- Hidayat, Sholeh. 2013. *Pengembangan kurikulum baru*. cet. Ke-2. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Hosnan, M. 2014. *Pendekatan saintifik dan kontekstual dalam pembelajaran abad 21; kunci sukses implementasi kurikulum 2013*. Cet Ke-2. Bogor: Ghalia Indonesia.
- Idi, Abdullah. 2014. *Pengembangan kurikulum; teori & praktik*. Jakarta: RajaGrafindo Persada.
- Idris, Noraini. 2010. *Penyeledikan dalam pendidikan*. Malaysia: McGraw Hill. Sdn.Bhn.
- Ismail, Ramlee, at all. 2014. *Analisis data kuantitatif*. Kuala Lumpur: Kaisar Media Kreatif.
- Jalaluddin, & Abdullah Idi. 2010. *Filsafat pendidikan; manusia, filsafat, dan pendidikan*. Cet ke-3. Yogyakarta: Ar-Ruzz Media.
- Kamus Dewan edisi ke empat. 2005. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan edisi ke empat. 2007. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kemendiknas. 2010. *Pengembangan KTSP SMA*, Jakarta: Direktorat Pembinaan SMA.
- Khairuddin, Junaedi, Mahfud, dkk. 2007. *Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan, Konsep dan Implementasinya di Madrasah*, Yogyakarta: Nuansa Aksara.

Krejcie R. V., & Morgan D.W (1970). *Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement.* 30,607-610.